

Perbandingan
Akta Pelajaran 1961 Dengan Akta Pendidikan 1996 *

(Oleh: Ahmad Fauzi bin Mohamed)

PENDAHULUAN

Akta Pendidikan 1996 yang juga dikenali sebagai Akta 550 adalah bertujuan memansuhkan Akta Pelajaran 1961. Secara amnya, Akta Pendidikan 1996 tersebut telah mengemukakan satu undang-undang baru tentang pendidikan bagi maksud melaksanakan dasar pendidikan negara yang berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Matlamat-matlamat seperti apa yang disenaraikan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijangka dapat dicapai melalui suatu Sistem Pendidikan Kebangsaan, yang memperuntukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang disediakan melalui akta ini adalah pelbagai dan komprehensif skopnya dan akan memenuhi keperluan negara, serta juga memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik.

Sudah pasti Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pelajaran 1961 mempunyai persamaan dan perbezaan yang tertentu. Apabila kita membicarakan tentang persamaan dan perbezaan, kita sebenarnya membuat perbandingan di antara kedua-dua akta tersebut. Agar perbincangan ini menjadi lebih mantap, kita perlu melihat secara sepintas lalu kandungan kedua-dua akta tersebut.

AKTA PELAJARAN 1961

Secara amnya, Akta Pelajaran 1961 adalah berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Penyata Razak 1956. Asas utama yang dikemukakan oleh laporan tersebut adalah pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Justeru, Akta Pendidikan 1961 diwujudkan untuk melahirkan masyarakat majmuk yang bersatu padu. Akta ini merupakan satu mandat untuk mewujudkan satu sistem pendidikan yang bercorak kebangsaan yang memberi tumpuan atau penekanan kepada: (1) penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama; (2) penggunaan kurikulum yang sama bagi semua sekolah; dan (3) pengambilan peperiksaan awam yang sama oleh semua murid. Tujuan utama Sistem Pendidikan Kebangsaan menekankan perkara-perkara tersebut adalah untuk mewujudkan satu bentuk identiti kebangsaan yang menyumbang ke arah perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini.

Walaupun dari segi dokumen Akta Pelajaran 1961 merupakan satu risalah perundangan pendidikan yang komprehensif, namun akta tersebut perlu disemak semula. Setelah tempoh pelaksanaannya melebihi 35 tahun, akta tersebut telah menampakkan kekurangan dan didapati banyak lompong (*loopholes*) khususnya untuk menangani pelbagai perubahan serta cabaran baru dalam sistem pendidikan negara. Oleh yang demikian, kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan mendapati akta tersebut memerlukan semakan, pemansuhan dan peruntukan-peruntukan baru selaras dengan keperluan dan cabaran pendidikan semasa.

AKTA PENDIDIKAN 1996

Akta Pendidikan 1996 atau juga dikenali sebagai Akta 550 merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan undang-undang bagi pendidikan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini diwujudkan khusus bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961 yang bertujuan untuk memantapkan sistem pendidikan untuk generasi akan datang sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang berkualiti serta bertaraf dunia. Walaupun Akta Pendidikan 1996 adalah satu akta baru, tetapi masih merupakan kesinambungan kepada dasar pendidikan yang sedia ada. Akta ini masih berpaksikan kepada perakuan-perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan selama ini. Justeru itu, Akta Pendidikan 1996 telah mengekalkan banyak peruntukan Akta Pelajaran 1961 yang didapati masih relevan. Sebaliknya yang didapati tidak lagi relevan telah digugurkan.

Tujuan Akta Pendidikan 1996 adalah untuk memperluaskan skop serta memperkemaskinikan perundangan pendidikan yang sedia ada. Akta ini telah mengambilkira aspirasi, kehendak dan kepentingan semua kaum masyarakat majmuk di Malaysia. Akta ini telah memperkenalkan banyak peruntukan perundangan (*legislative provision*) untuk memenuhi hasrat Wawasan 2020 serta menangani cabaran pada abad ke-21.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah dijadikan landasan dalam pembentukan Akta Pendidikan 1996 setelah mengambilkira sapsasi dan pandangan semua pihak. Konsep sistem pendidikan kebangsaan telah dimantapkan melalui akta ini iaitu meliputi semua peringkat persekolahan dan semua kategori sekolah di Malaysia.

Secara amnya, Akta Pendidikan 1996 mengandungi 156 seksyen yang dibahagikan kepada 16 Bahagian seperti berikut: (1) Bahagian 1 Permulaan; (2) Bahagian 2 Pentadbiran; (3) Bahagian III Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan; (4) Bahagian IV Sistem Pendidikan Kebangsaan; (5) Bahagian V Penilaian dan Peperiksaan; (6) Bahagian VI Pendidikan Tinggi; (7) Bahagian VII Institusi Pendidikan Swasta; (8) Bahagian VIII Pendaftaran Institusi Pendidikan; (9) Bahagian IX Pendaftaran Guru; (10) Bahagian X Jemaah Nazir Sekolah; (11) Bahagian XI Kewangan; (12) Bahagian XII Rayuan; (13) Bahagian XIII Peraturan-Peraturan; (14) Bahagian XIV Kesalahan dan Penalti; (15) Bahagian XV Pelbagai; (16) Bahagian XVI Peralihan dan Pemensuhan.

PERBANDINGAN AKTA PELAJARAN 1961 DENGAN AKTA PENDIDIKAN 1996

Secara amnya, perbandingan di antara Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996 boleh dibuat dari dua sudut. Pertama, perbandingan perbezaan dan persamaan mengikut peruntukan seksyen-seksyen, dan kedua secara umum iaitu mengikut analisis kandungan keseluruhan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pelajaran 1961.

Perbandingan Mengikut Peruntukan Seksyen

Secara perbandingan, perbezaan dan persamaan Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996 mengikut seksyen adalah seperti berikut:

Seksyen 1

Satu daripada perbezaan utama bagi kedua-dua akta adalah berkaitan dengan Seksyen 1 Akta Pendidikan 1996 iaitu mengenai tajuk ringkas akta dan mula berkuatkuasa. Akta Pendidikan 1996 menggunakan perkataan “pendidikan”, manakala Akta Pelajaran 1961 pula menggunakan perkataan “pelajaran”. Walaupun terjemahan mudah bagi kedua-dua istilah tersebut ke bahasa Inggeris adalah sama iaitu ‘*education*’ tetapi maknanya jika dinilai dari sudut penekanan penggunaannya dalam bahasa Melayu adalah ternyata berbeza. Perkataan “pendidikan” adalah jauh lebih tepat berbanding dengan perkataan “pelajaran”.

Seksyen 2

Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 juga memperlihatkan perbezaan iaitu dari segi tafsiran. Seksyen tersebut mengandungi 54 tafsiran iaitu meliputi makna bahasa Cina, bahasa kebangsaan, ditetapkan, fee yang diluluskan, guru, berdaftar, ibu bapa, institusi pendidikan, institusi pendidikan tinggi, kelas peralihan, ketua nazir, ketua pendaftar, ketua pengarah, kurikulum kebangsaan, kurikulum prasekolah, murid, pegawai pendidikan, pekerja, pendaftar, pendidikan khas, pendidikan lepas menengah, pendidikan menengah, pendidikan menengah atas, pendidikan menengah rendah, pendidikan pengembangan, pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan tinggi, pengarah pendidikan, pengelola, penolong pendaftar, perkhidmatan pendidikan, pihak berkuasa negeri, premis, pusat pendidikan jarak jauh, sekolah, sekolah bantuan kerajaan, sekolah gaya pos, sekolah jenis kebangsaan, sekolah kebangsaan, sekolah kerajaan, sekolah khas, sekolah menengah, sekolah menengah kebangsaan, sekolah rendah, sekolah swasta, sumbangan bantuan, sumbangan modal, surat, suratcara pengelolalan, tadika, tarikh yang ditetapkan, tempat dan umur.

Sementara Akta Pelajaran 1961 pula hanya mempunyai 48 tafsiran iaitu mengenai:

age, approved fees, approved staff, assisted school, capital grant, chief education officer, chief inspector, Chinese language, continuation school, correspondence school, education institution, employee, existing school, further education, instrument, grant-in-aid, higher education, instrument, local education area, local education authority, local inspector of school, manage, medical, minister, minister of finance, national primary school, national type primary school, national secondary school, national type secondary school, non-standard primary school, parent, place, prescribed, primary school, pupil, rating authority, registrar of teacher, registrar, registrar general, registrar of teacher, registrar general of teachers, rural extension school, school, secondary school, special school, state authority, teacher dan unified teaching service.

Secara perbandingan, tafsiran-tafsiran yang diliputi oleh Akta Pendidikan 1996 bukan sahaja lebih banyak tetapi juga lebih menyeluruh dan jelas berbanding Akta Pelajaran 1961.

Syarat untuk mengadakan pengajaran bahasa Cina atau bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan bagi kedua-dua akta juga berbeza. Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 memperuntukan hanya satu syarat sahaja iaitu jika terdapatnya permintaan daripada ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid. Sementara bagi Akta Pelajaran 1961, terdapat dua syarat iaitu ada permintaan 15 ibu bapa dan jika didapati munasabah dan praktik.

Menurut Akta Pendidikan 1996, bahasa-bahasa kaum asli pula hendaklah diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian dan jika terdapatnya permintaan daripada ibu bapa sekurang-kurangnya 15 orang murid. Disamping itu juga, menurut akta ini mana-mana bahasa asing lain boleh juga diadakan jika didapati munasabah dan praktikal untuk berbuat demikian. Peruntukan seumpamanya tidak terdapat di dalam Akta Pelajaran 1961.

Ringkasnya, adalah lebih mudah mengadakan kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa-bahasa kaum asli dan lain-lain bahasa di bawah Akta Pendidikan 1996 berbanding Akta Pelajaran 1961. Peruntukan seperti yang terdapat dalam Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 tersebut merupakan satu bentuk pengiktirafan di mana memperlihatkan bahasa-bahasa kaum asli dapat diperkembangkan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Seksyen 3

Satu lagi perbezaan ketara dan utama di antara kedua-dua akta ialah berkaitan dengan Seksyen 3 Akta Pendidikan 1996 iaitu mengenai perlantikan dan kewajipan ketua pengarah pendidikan. Berbeza dengan Akta Pelajaran 1961, Akta Pendidikan 1996 telah menyatakan secara jelas bahawa perlantikan Ketua Pengarah Pendidikan hendaklah hanya dilantik daripada kalangan pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan sahaja.

Akta Pelajaran 1961 yang dikuatkuasakan sebelum Akta Pendidikan 1996 tidak mengkhususkan secara mutlak bahawa jawatan Ketua Pengarah Pendidikan harus dilantik di kalangan pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan. Ini bermakna, sebelum dikuatkuasakan Akta Pendidikan 1996 sesiapa sahaja boleh dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan.

Seksyen 15 dan 16

Seksyen 15 Akta Pendidikan 1996 memperuntukan tentang Sistem Pendidikan Kebangsaan secara khusus, manakala Seksyen 16 pula menghuraikan tentang kategori institusi pendidikan. Kedua-dua seksyen ini juga memperlihatkan perbezaan mengenai sistem pendidikan dan kategori institusi pendidikan Malaysia. Seksyen 15 Akta Pendidikan 1996 memperuntukan Sistem Pendidikan Kebangsaan haruslah merangkumi semua peringkat pendidikan, kecuali pendidikan di sekolah ekspatriat. Menurut seksyen tersebut Sistem Pendidikan Kebangsaan adalah terdiri daripada: (1) pendidikan prasekolah; (2) pendidikan rendah; (3) pendidikan menengah; (4) pendidikan lepas menengah; dan (5) pendidikan tinggi.

Sementara Seksyen 16 Akta Pendidikan 1996 pula memperuntukan yang Sistem Pendidikan Kebangsaan hendaklah mempunyai tiga kategori institusi pendidikan iaitu: (1) institusi pendidikan kerajaan; (2) institusi pendidikan bantuan kerajaan; dan (3) institusi pendidikan swasta.

Sistem Pendidikan Kebangsaan dalam Akta Pelajaran 1961 pula memperuntukan hanya dua kategori iaitu institusi pendidikan kerajaan atau bantuan penuh kerajaan dan bukan milik kerajaan. Menurut akta tersebut:

For the purpose of this act, the stages of the statutory education system shall be as follows: primary education, lower secondary education, upper secondary education, education in the educational institutions referred to in paragraph (a) to (d) of section 25.”

(Section 19 Education Act 1961)

Ringkasnya Seksyen 15 dan 16 Akta Pendidikan 1996 telah memperluaskan konsep Sistem Pendidikan Kebangsaan. Klasifikasi institusi pendidikan seperti yang termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996 telah meperudahkan pentadbiran pendidikan, khususnya yang berkaitan dengan sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.

Seksyen 17

Seksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 memperuntukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali di sekolah jenis kebangsaan atau mana-mana institusi pendidikan yang diberi pengecualian. Namun begitu, Seksyen 17 (2) memperuntukan bahasa kebangsaan hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib bagi mana-mana institusi yang bahasa pengantar utamanya bukan bahasa kebangsaan.

Sementara itu, peruntukan yang terdapat di dalam Akta Pelajaran 1961 hanya memperuntukan bahasa kebangsaan adalah sebagai bahasa pengantar bagi sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan sahaja. Sebenarnya pelaksanaan Akta Pendidikan 1996 jelas telah memperkukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Seksyen 18

Seksyen 18 Akta Pendidikan 1996 juga menunjukkan perbezaan dengan Akta Pelajaran 1961 kerana memperuntukan bahawa semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan perlu menggunakan Kurikulum Kebangsaan yang telah ditetapkan oleh Menteri. Dalam perkembangan berkaitan, Akta Pelajaran 1961 tidak mempunyai peruntukan seumpamanya.

Seksyen 19

Seksyen 19 Akta Pendidikan 1996 juga menunjukkan perbezaan dengan Akta Pelajaran 1961 kerana memperuntukan perlunya semua sekolah menyediakan murid untuk peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta Pendidikan 1996 melainkan jika diberi pengecualian. Ini berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 kerana peruntukan seumpamanya tidak terdapat di dalam akta berkenaan.

Seksyen 21

Seksyen 21 Akta Pendidikan 1996 memperuntukan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menubuh dan menyenggara tadika. Manakala kuasa Menteri berhubung dengan penubuhan tadika di bawah Akta Pelajaran 1961 adalah tidak begitu jelas.

Peruntukan Seksyen 21 Akta Pendidikan 1996 adalah perlu untuk membolehkan Kementerian Pendidikan mengadakan kemudahan prasekolah kepada lebih ramai kanak-kanak, khususnya kepada masyarakat luar bandar dan yang berpendapatan rendah. Peruntukan di dalam akta tersebut juga adalah bertujuan untuk menjamin proses pendemokrasian pendidikan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Seksyen 22

Seksyen 22 Akta Pendidikan 1996 juga memperlihatkan perbezaan dengan Akta Pelajaran 1961 dari segi kurikulum prasekolah. Seksyen tersebut memperuntukan semua program dan kegiatan tadika hendaklah berasaskan garis panduan kurikulum prasekolah yang diluluskan oleh Menteri Pendidikan. Peruntukan seumpamanya tidak dijelaskan di dalam Akta Pelajaran 1961. Secara amnya, seksyen ini telah memperuntukan panduan untuk menyelaraskan pendidikan tadika-tadika.

Seksyen 29

Akta Pelajaran 1961 memperuntukan tempoh pendidikan rendah selama enam tahun dan ini berbeza dengan apa yang diperuntukan oleh Akta Pendidikan 1996. Walaupun Akta Pendidikan 1996 melalui Seksyen 29 memperuntukan sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan perlu merencanakan kursus pendidikan rendah bagi tempoh enam tahun tetapi boleh diikuti oleh seseorang murid dalam tempoh lima hingga tujuh tahun oleh seseorang murid.

Berdasarkan peruntukan Seksyen 29 tersebut jelas menunjukkan bahawa Akta Pelajaran 1961 yang agak rigid. Manakala Akta Pendidikan 1996 adalah lebih fleksibel dari segi tempoh menamatkan pendidikan rendah. Dengan lain perkataan, Akta Pendidikan 1996 melalui Seksyen 29 telah mengambilkira faktor keupayaan dan kebolehan individu berbeza untuk menamatkan tempoh pendidikan rendahnya.

Seksyen 33

Seksyen 33 Akta Pendidikan 1996 pula telah memperuntukan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengadakan pendidikan lepas menengah di sekolah menengah kebangsaan, maktab-maktab dan mana-mana sekolah menengah kebangsaan atau institusi pendidikan lain yang ditubuhkan dan disenggarakan oleh Menteri Pendidikan di bawah Akta Pendidikan 1996.

Peruntukan tersebut berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 kerana akta tersebut tidak mempunyai peruntukan yang jelas tentang pendidikan lepas menengah. Secara amnya, Seksyen 33 Akta Pendidikan 1996 telah memenuhi keperluan kelas-kelas tingkatan enam, matrikulasi dan sebagainya.

Seksyen 38

Seksyen 38 Akta Pendidikan 1996 telah membolehkan politeknik mengendalikan kursus pengajian atau program latihan peringkat diploma, sijil atau pengiktirafan dalam bentuk lain bagi kelayakan yang diberikan oleh mana-mana universiti atau institusi pendidikan tinggi lain di dalam atau di luar Malaysia. Dengan lain perkataan, Akta Pendidikan 1996 telah membolehkan politeknik mengadakan program kerjasama dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi lain bagi tujuan mengadakan kursus pengajian atau program latihan bersama peringkat diploma, sijil atau lain-lain kelayakan dengan mana-mana universiti atau institusi pendidikan.

Berbeza dengan Akta Pelajaran 1961, Seksyen 38 Akta Pendidikan 1996 telah memperluaskan peranan pendidikan iaitu sebagai satu wadah untuk memenuhi keperluan pembangunan tenaga manusia. Manakala Akta Pelajaran 1961 tidak mempunyai peruntukan seumpamanya.

Seksyen 40

Seksyen 40 Akta Pendidikan 1996 juga berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 kerana akta tersebut telah membolehkan Menteri mengadakan pendidikan khas di sekolah khas atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah. Perkara seumpamanya tidak jelas dalam Akta Pelajaran 1961. Secara amnya, Seksyen 40 dalam Akta Pendidikan 1996 adalah selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat penyayang disamping memenuhi konsep pendemokrasian pendidikan.

Seksyen 47

Seksyen 47 Akta Pendidikan 1996 juga berbeza dengan Akta Pelajaran 1961. Seksyen tersebut telah membolehkan maktab pendidikan guru mengendalikan kursus pengajian atau program latihan bagi peringkat ijazah, diploma, sijil atau pengiktirafan dalam bentuk lain. Seksyen 47 juga telah membolehkan

maktab pendidikan guru mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi pendidikan tinggi lain.

Ini berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 di mana peruntukan seumpamanya mengenai pendidikan guru adalah terlalu umum. Seksyen 47 dalam Akta Pendidikan 1996 adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti tenaga pengajar di sekolah-sekolah, khususnya untuk menyediakan keperluan guru yang lebih banyak dalam pelbagai mata pelajaran terutama dalam bidang sains, matematik dan teknologi maklumat.

Seksyen 50

Secara amnya, Seksyen 50 Akta Pendidikan 1996 telah memperuntukan supaya pengajaran agama Islam wajib diadakan di semua institusi pendidikan termasuk di sekolah swasta selama tempoh sekurang-kurangnya dua jam seminggu jika terdapat lima orang atau lebih murid yang menganut agama Islam.

Peruntukan tersebut berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 kerana akta ini hanya mewajibkan pengajaran agama Islam bila terdapat 15 orang atau lebih murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan sahaja. Sesungguhnya, Seksyen 50 Akta Pendidikan 1996 adalah penting untuk perkembangan syiar Islam dan selaras dengan pengiktirafan agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.

Seksyen 62

Satu lagi perbezaan yang ketara di antara kedua-dua akta ialah tentang kedudukan lembaga pengurus atau lembaga pengelola institusi pendidikan. Melalui Seksyen 62 (1) Akta Pendidikan 1996, lembaga pengurus atau lembaga pengelola institusi pendidikan kerajaan dibubarkan kecuali bagi sekolah rendah jenis kebangsaan kerajaan atau mana-mana sekolah rendah kebangsaan kerajaan atau sekolah menengah kebangsaan kerajaan yang ditentukan oleh Menteri.

Peruntukan tersebut berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 yang memperuntukan semua kategori sekolah termasuk sekolah kerajaan perlu menubuhkan lembaga pengurus atau lembaga pengelola. Pembubaran tersebut juga menyebabkan kuasa lembaga pengurus atau lembaga pengelola sebelum ini terhapus. Lembaga tersebut tidak lagi boleh mengambil pekerja atau menjadi majikan bagi guru dan pekerja lain serta tidak lagi terlibat dengan pengurusan dan pengelolaan mana-mana institusi pendidikan.

Seksyen 69

Peruntukan Seksyen 69 Akta Pendidikan 1996 telah melarang mana-mana individu atau institusi pendidikan dari mengadakan atau mengendalikan sebarang bentuk peperiksaan bagi mana-mana murid institusi pendidikan atau calon persendirian tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Pengarah Peperiksaan. Peruntukan seumpamanya tidak terdapat di dalam Akta Pelajaran 1961.

Walau bagaimanapun, larangan Seksyen 69 tersebut tidak merangkumi (1) badan atau lembaga yang ditubuhkan untuk mengurus dan mengendalikan peperiksaan; (2) Majlis Peperiksaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980; dan (3) peperiksaan, ujian atau lain-lain bentuk penilaian yang dikendalikan oleh sesuatu institusi pendidikan untuk menilai murid-muridnya sendiri. Berbeza dengan Akta Pelajaran 1961, Seksyen 69 adalah bertujuan untuk mengesan peperiksaan yang dijalankan oleh pihak luar serta bermaksud untuk melindungi kepentingan calon-calon yang mengambil peperiksaan.

Seksyen 77

Akta Pendidikan 1996 melalui Seksyen 77 memperuntukan larangan tentang kursus pengajian dan latihan berkenaan ijazah dan sebagainya yang diberikan institusi pendidikan swasta. Ini berbeza dengan Akta Pelajaran 1961 kerana larangan seumpamanya tidak terdapat di dalam akta tersebut.

Menurut Seksyen 77 (1) sesuatu institusi pendidikan swasta perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Menteri Pendidikan sebelum boleh mengendalikan apa-apa kursus pengajian atau program latihan secara bergabung atau bekerjasama dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi lain di dalam atau di luar Malaysia.

Tujuan Seksyen ini adalah untuk mengawal institusi-institusi pendidikan swasta yang ghairah menjalankan program 'twinning' atau 'linkage' dengan institusi pendidikan tinggi lain. Tujuan seksyen ini juga adalah untuk memastikan konsep Malaysia sebagai "Centre of Education Excellence" dapat dicapai sepenuhnya. Peruntukan seumpamanya dalam Akta Pelajaran 1961 tidaklah perjelasan.

Seksyen 136, 137, 138 dan 139

Peruntukan-peruntukan seperti yang terdapat pada Seksyen 136, 137, 138 dan 139 Akta Pendidikan 1996 juga menunjukkan perbezaan di antara kedua-dua akta kerana peruntukan-peruntukan seumpamanya tidak wujud di dalam Akta Pelajaran 1961. Peruntukan-peruntukan tersebut merupakan sesuatu yang baru dalam pengurusan sistem pendidikan negara, khususnya untuk memastikan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini dipatuhi. Secara amnya, seksyen-seksyen tersebut akan membolehkan mereka yang bertanggungjawab dapat bertindak dengan lebih cepat dan berkesan terhadap pihak-pihak yang melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Seksyen 136 umpamanya memperuntukan kuasa kepada Ketua Pendaftar atau seorang pegawai awam yang diberikuasa secara bertulis oleh Ketua Pendaftar atau seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan suatu kesalahan atau mana-mana peraturan Akta Pendidikan 1996. Manakala peruntukan Seksyen 137 telah membolehkan individu-individu seperti yang tercatat di dalam Seksyen 136 untuk memasuki mana-mana premis tanpa waran untuk menjalankan tugas penyiasatan.

Peruntukan Seksyen 138 pula telah membolehkan Ketua Pendaftar atau pegawai awam atau pegawai polis (seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 136) untuk memulakan dan menjalankan pendakwaan berkenaan suatu kesalahan atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta Pendidikan 1996.

Sementara Seksyen 139 pula telah memperuntukan kuasa kepada Ketua Pendaftar, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya untuk mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang boleh dihukum oleh Akta Pendidikan 1996. Perlu ditegaskan bahawa peruntukan-peruntukan seumpamanya tidak wujud di dalam Akta Pendidikan 1996.

Perbandingan Mengikut Kandungan Keseluruhan

Secara amnya, berdasarkan analisis keseluruhan kandungan kedua-dua akta beberapa ulasan dapat dibuat terhadap perbezaan di antara Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996 mengikut kandungan keseluruhan kedua-dua akta. Di antaranya ialah:

Akta Pendidikan 1996 secara ringkasnya telah merumuskan perkara-perkara berikut:

- Mengakui bahawa ilmu adalah penentu utama arah tujuan negara dan penyelamat bangsa.
- Tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat menguasai ilmu, kemahiran dan nilai-nilai murni.
- Pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dan ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatupadu, demokratik, liberal dan dinamik.
- Adalah menjadi misi untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan akan dilaksanakan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama.
- Penyediaan pengajaran yang cekap dengan mengambil kira bahawa murid harus dididik mengikut hasrat ibu bapa masing-masing.

Sementara itu, Akta Pelajaran 1961 pula berlandaskan kepada Ordinan Pelajaran 1957 adalah bertujuan untuk memantapkan Sistem Pelajaran Kebangsaan sesuai dengan keperluan negara untuk

mewujudkan satu rupa bangsa dengan satu kebudayaan, sosial, ekonomi dan perkembangan politik. Akta tersebut digubal untuk menyediakan kuasa untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Menurut Sufean (1993) pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan mengikut Akta Pelajaran 1961 adalah berdasarkan Laporan Razak 1956 yang telah dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957 sementara cadangan-cadangan dasar daripada kedua-dua Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 dalam Akta Pendidikan 1961. Pelaksanaan di dalam proklamasi Dasar Pendidikan Kebangsaan Akta Pelajaran 1961 mengungkapkan hanya tiga pernyataan-pernyataan iaitu:

WHEREAS the educational policy of the Federation originally declared in the Education Ordinance, 1957, is to establish a national system of education which will satisfy the needs of the nation dan promote its cultural, social, economic and political development:

AND WHEREAS it is considered desirable that regard shall be had, so far as it compatible with that policy, with the provision for efficient instruction and with the avoidance of unreasonable public expenditure, to the general principle that pupils are to be educated in accordance with the wishes of their parents:

AND WHEREAS further provision is required for securing the effective execution of the said policy, including in particular provision for the progressive development of an education system in which the national language is the main medium of instruction:

(Education Act 1961)

Berdasarkan pernyataan-pernyataan tersebut bagi kedua-dua akta adalah didapati penekanan-penekanan yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996 adalah lebih mantap serta lebih jelas berbanding Akta Pelajaran 1961, khususnya jika ditinjau dari aspek peranan dan tuntutan terhadap sistem pendidikan negara. Ini bukanlah pula bermaksud bahawa penekanan yang terdapat di dalam Akta Pelajaran 1961 tidak tepat atau salah. Sebenarnya, apa yang terkandung di dalam Akta Pendidikan 1996 adalah selaras dengan kehendak dan tuntutan semasa terhadap sistem pendidikan negara.

Analisis terhadap tanggungjawab Yang DiPertuan Agong dan Menteri Pendidikan di dalam kedua-dua akta juga menunjukkan wujudnya perbezaan, khususnya dalam soal kuasa. Secara amnya, melalui Akta Pendidikan 1996 kuasa dan tanggungjawab Yang DiPertuan Agong di dalam pendidikan telah dikurangkan sementara kuasa Menteri Pendidikan telah diperluaskan.

Dalam perkara perlantikan umpamanya, Akta Pendidikan 1996 memperuntukan kuasa Yang DiPertuan Agong hanyalah sekadar melantik seorang Ketua Pengarah Pendidikan. Sebaliknya, Akta Pelajaran 1961 memperuntukan kuasa kepada Yang DiPertuan Agong bagi melantik Ketua Pengarah Pendidikan, Ketua Pendaftar Sekolah, Ketua Pendaftar Guru, Timbalan Pendaftar Guru, Ketua Nazir Sekolah dan Pengelola Peperiksaan.

Tanggungjawab Menteri pula dalam Akta Pelajaran 1961 adalah melantik Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Sekolah setiap negeri, Pendaftar Guru setiap negeri, Nazir Sekolah dan Nazir-Nazir Sekolah bagi daerah-daerah tertentu (dimansuhkan kemudiannya). Sebaliknya, kuasa Menteri di dalam Akta Pendidikan 1996 telah ditambah kepada melantik Pengarah Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah, Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru (disatukan), Timbalan Pendaftar Sekolah dan Guru, Pendaftar Sekolah dan Guru setiap negeri yang difikirkan perlu. Menteri juga bertanggungjawab melantik dan menentukan Ketua Nazir Sekolah dan Nazir-Nazir Sekolah.

Dalam Seksyen 18 Akta Pelajaran 1961, Menteri diberi kuasa membuat peraturan berhubung dengan Majlis Penasihat Pelajaran iaitu mesyuarat dan prosedur Majlis, Perlantikan Jawatankuasa Kecil, Bilangan Anggota Majlis dan apa-apa perkara yang difikirkan perlu bagi Majlis berfungsi dengan sepenuhnya. Menteri adalah bertanggungjawab bagi melantik Majlis Penasihat Pelajaran Kebangsaan.

Kuasa Menteri berhubung perkara ini diperluaskan melalui Seksyen 13 (b) Akta Pendidikan 1996 iaitu dengan menambah terma dan syarat jawatan anggota. dan penambahan Seksyen 14 iaitu tanggungjawab Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan untuk menyelia prosedurnya sendiri.

Walaupun hakikat sebenar bertujuan untuk melicinkan aspek pengurusan dan pelaksanaan sistem pendidikan negara, namun peruntukan mengenai kuasa yang terlalu banyak kepada Menteri melalui Akta Pendidikan 1996 telah menimbulkan rasa kurang selesa dan kritikan di kalangan masyarakat. Kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri dikatakan begitu besar sehingga boleh mengatasi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pendidikan 1996 itu sendiri. Seksyen 143 Akta Pendidikan 1996 mengenai perkara kuasa untuk mengecualikan institusi pendidikan memperuntukan:

Menteri boleh, jika difikirkannya wajar dan demi kepentingan sesuatu institusi pendidikan atau demi kepentingan murid atau awam, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengecualikan institusi pendidikan atau mana-mana golongan atau golongan-golongan institusi pendidikan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini kecuali peruntukan tentang pendaftaran, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau mengkensel atau mengubah atau menambah syarat-syarat itu.”

(Akta Pendidikan 1996, hal. 86)

Di samping meneruskan matlamat perpaduan negara melalui pendidikan serta mengekalkan kedaulatan bahasa kebangsaan, Akta Pendidikan 1996 telah memberi penekanan kepada mencapai hasrat Wawasan 2020. Selain daripada itu, nilai-nilai murni dipertahankan melalui amalan prinsip-prinsip Rukunegara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Satu lagi perbezaan di antara kedua-dua akta ialah tentang pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di dalam Akta Pendidikan 1996, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah diungkapkan secara rasmi. Falsafah tersebut telah dijadikan landasan penggubalan Akta Pendidikan 1996 setelah mengambil kira pandangan dan aspirasi semua pihak.

Pernyataan seumpamanya tidak terdapat di dalam Akta Pelajaran 1961. Falsafah Pendidikan Kebangsaan di dalam Akta Pendidikan 1996 dizahirkan seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

(Akta Pendidikan 1996, hal. 11 & 12)

Pernyataan yang dizahirkan di dalam Akta Pendidikan 1996 tersebut berbeza dengan apa yang diungkapkan sebelumnya. Sebelum ini, “Falsafah Pendidikan Kebangsaan” dikenali sebagai “Falsafah Pendidikan Negara”. Secara perbandingan, perubahan tersebut melibatkan empat pindaan iaitu seperti berikut:

- Frasa “..... memperkembangkan lagi potensi” diganti kepada “..... lebih memperkembangkan potensi”.
- Frasa “Usaha ini adalah bagi” ditukar menjadi “Usaha ini adalah bertujuan untuk”

- Frasa “..... melahirkan rakyat” diganti menjadi “..... melahirkan warganegara”
- Frasa “sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara” ditambah menjadi “sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

Berbanding Akta Pelajaran 1961, konsep sistem pendidikan kebangsaan di dalam Akta Pendidikan 1996 telah dimantapkan dengan meliputi semua peringkat persekolahan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi serta meliputi semua kategori sekolah iaitu sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan juga diperkukuhkan melalui Akta Pendidikan 1996 dengan memperuntukannya sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Ini diperkuat dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang wajib diajar di semua sekolah dan institusi pendidikan.

Kurikulum semua jenis dan kategori sekolah telah diselaraskan dengan kehendak negara apabila Kurikulum Kebangsaan yang diperuntukan melalui Akta Pendidikan 1996 wajib digunakan di semua sekolah.

Murid-murid dari semua jenis dan kategori sekolah akan disediakan untuk mengambil peperiksaan yang ditetapkan oleh kerajaan dan justeru itu, telah memudahkan Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan penilaian dan pengukuran yang sama tentang pencapaian murid sekolah-sekolah di Malaysia.

Pendidikan Islam telah diperluaskan di dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu meliputi murid-nurid Islam di semua kategori sekolah termasuk sekolah swasta. Pendidikan Islam juga diperkukuhkan dengan menjadikan mata pelajaran tersebut sebagai satu daripada mata pelajaran teras di sekolah-sekolah.

Peruntukan Akta Pendidikan 1996 juga membolehkan Menteri Pendidikan menubuhkan dan menyenggara tadika. Peruntukan tersebut telah menyediakan peluang kepada lebih ramai kanak-kanak, khususnya di luar bandar dan dari keluarga yang kurang berada di bandar-bandar untuk mendapat pendidikan prasekolah yang menjadi asas yang baik bagi memulakan pendidikan rendah.

Dalam perkembangan berkaitan, mutu program pendidikan di semua tadika juga dipertingkatkan kerana Akta Pendidikan 1996 mensyaratkan semua tadika diwajibkan menggunakan Garis Panduan Kurikulum Prasekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan.

Sejajar dengan penumpuan terhadap usaha membudayakan sains dan teknologi, peruntukan Akta Pendidikan 1996 telah mempertingkatkan pendidikan teknik di semua sekolah teknik dan politeknik Akta Pendidikan 1996 telah memudahkan sekolah-sekolah vokasional ditukartaraf ke sekolah-sekolah teknik, manakala politeknik boleh mengadakan program kerjasama dengan mana-mana institusi, perbadanan atau organisasi perindustrian untuk mengendalikan kursus teknik atau vokasional atau program latihan, termasuk program pertukaran. Melalui Akta Pendidikan 1996 juga politeknik boleh mengadakan program berkembar bagi kursus peringkat diploma dan ijazah dengan institusi pendidikan tinggi, sama ada di dalam atau di luar negeri. Peruntukan tersebut di dalam akta ini juga selaras hasrat menjadikan masyarakat di Malaysia menguasainya ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi dan bersifat global.

Pendidikan guru diperkukuhkan dengan adanya peruntukan melalui Akta Pendidikan 1996, yang membolehkan Kementerian Pendidikan mengadakan program pendidikan guru bukan sahaja di peringkat sijil, tetapi juga di peringkat diploma dan ijazah atau secara berkembar.

Melalui Akta Pendidikan 1996, pendidikan swasta dapat berkembang secara lebih sistematik dengan adanya peruntukan yang spesifik bagi mengawal taraf pendidikan dan perjalanan institusi-institusi tersebut. Namun begitu, institusi pendidikan swasta juga boleh dikehendaki mengadakan pengajaran Bahasa Kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam atau Moral untuk memupuk semangat cintakan negara dan nilai-nilai murni.

Pendidikan khas diberi perhatian yang lebih dengan adanya peruntukan yang cukup bagi pendidikan tersebut di dalam Akta Pendidikan 1996.

Menyedari bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, dan berdasarkan permuafakatan politik yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu, Akta Pendidikan 1996 mengambilkira kepentingan semua kaum dengan cara mengekalkan status quo sekolah rendah jenis kebangsaan dan juga 60 buah sekolah menengah Cina swasta. Di samping itu, '*Unified Examination*' yang diambil oleh sekolah-sekolah ini serta lembaga pengelola sekolah tersebut, dan lembaga pengelola sekolah '*comforming*' dan sekolah '*mission*' dikekalkan. Akta Pendidikan 1996 juga memperuntukan pengajaran bahasa suku kaum di negara ini sekiranya didapati munasabah dan praktik diadakan. Walau bagaimanapun kelas-kelas agama seperti '*bible classes*' tidak diperlukan mendaftar di bawah Akta Pendidikan 1996.

PENUTUP

Akta Pendidikan 1996 merupakan akta yang diluluskan bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961. Penggubalan akta baru tersebut juga adalah ke arah memantapkan sistem pendidikan kebangsaan sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang bermutu tinggi dan bertaraf dunia. Sesungguhnya, generasi yang mempunyai daya saing yang tinggi serta mampu menghadapi cabaran global dapat dilahirkan melalui sistem pendidikan yang mantap.

Secara perbandingannya, tidaklah dapat dinafikan bahawa wujudnya perbezaan dan persamaan di antara kedua-dua akta. Perbezaan dan persamaan ini wujud kerana walaupun Akta Pendidikan 1996 adalah hasil suatu usaha perundangan yang baru, namun akta tersebut menampilkan kesinambungan kepada dasar pendidikan yang sedia ada. Sebenarnya Akta Pendidikan 1996 masih berpaksi kepada perakuan-perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas dasar pendidikan kebangsaan selama ini. Justeru itu, didapati banyak peruntukan yang masih relevan daripada Akta Pelajaran 1961 dikekalkan di dalam Akta Pendidikan 1996.

Dengan mengambilkira aspirasi semua kaum di dalam masyarakat majmuk di Malaysia, Akta Pendidikan 1996 turut memperkenalkan banyak peruntukan perundangan (*legislative provision*) baru, khusus untuk menangani cabaran pendidikan pada abad ke-21 dan memenuhi hasrat Wawasan 2020. Oleh yang demikian, beberapa peruntukan Akta Pelajaran 1961 yang tidak lagi relevan telah digugurkan. Secara amnya, tujuan penggubalan Akta Pendidikan 1996 bagi menggantikan Akta Pelajaran 1961 adalah untuk memperluaskan skop dan memperkemaskinikan perundangan mengenai pendidikan.

* Esei ini merupakan tugas penulis semasa mengikuti program MSc. (Education Management) di Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman.